

## **PERKAITAN CINTA ILMU DENGAN KEPERIBADIAN UMMAH CEMERLANG DALAM MENGHADAPI REVOLUSI INDUSTRI**

### **4.0**

Nazneen binti Ismail<sup>1</sup>

nazneen@kuis.edu.my

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

### **ABSTRAK**

*Kecintaan kepada ilmu dalam Islam tidak terbatas kepada pengumpulan fakta dan maklumat seperti yang dijadikan ciri utama Revolusi Industri 4.0 iaitu teknologi maklumat dan data raya (Big Data). Sedangkan cakupan dan tujuan ilmu adalah lebih luas dan mempunyai hubungan khusus antara manusia dengan Tuhan sehingga ia perlu kepada persiapan intelektual dan spiritual agar beroleh ilmu yang benar. Untuk itu, pendidikan perlu bertujuan membangunkan keperibadian seseorang agar menjadi seimbang dan sentiasa meningkatkan diri menuju kesempurnaan sebagai insan beradab. Ini penting dalam pembentukan ummah cemerlang. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap cinta ilmu dan keperibadian ummah cemerlang dalam kalangan mahasiswa serta hubungan antara kedua-duanya. Metodologi kajian adalah kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan kepada 415 orang responden daripada enam buah Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Dapatan kajian menunjukkan tahap cinta ilmu dan keperibadian ummah cemerlang dalam kalangan mahasiswa adalah tinggi. Di samping itu, kajian ini mengesahkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara cinta ilmu dan keperibadian ummah cemerlang. Justeru, kajian ini mencadangkan agar tumpuan diberikan kepada pembentukan keperibadian ummah cemerlang dalam diri para mahasiswa agar keilmuan mereka dapat dimanfaatkan meskipun sentiasa mengalami perubahan teknologi kesan daripada revolusi ini.*

**Kata kunci:** *Instrumen kajian cinta ilmu, keperibadian ummah cemerlang, revolusi industri 4.0*

---

<sup>1</sup> Nazneen binti Ismail, Pensyarah di Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, KUIS.

## PENDAHULUAN

Dunia sedang menghadapi Revolusi Industri 4.0 di mana teknologi menjadi penggerak dan pemacu kepada perkembangan hidup masyarakat. Fenomena ini dicirikan dengan tiga asas iaitu teknologi maklumat dan kepintaran buatan, inovasi dan keusahawanan, serta data raya (Big Data) dan pembelajaran analitikal (Jeschke, 2015). Ia diperincikan lagi dengan komponen-komponen berasaskan teknologi seperti kepintaran buatan (*artificial intelligence*), industri internet (*industrial internet*), industri *cloud computing* (*industrial cloud computing*), industri data yang besar (*industrial big data*), industri robot (*industrial robot*), percetakan 3D (*3D printing*), automasi kerja pengetahuan (*knowledge work automation*), industri keselamatan rangkaian (*industrial network security*) dan realiti maya (*virtual reality*) (Ali Selamat, Rose Alinda Alias, Syed Norris Hikmi, Marlia Puteh & Siti Hamisah Tapsir, 2017).

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia turut perlu bersedia menghadapi gelombang global ini. Kesediaan ini digambarkan melalui pelan Transformasi Nasional 50 yang bertujuan menjadi negara 20 teratas dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi. Hasrat ini boleh dicapai dengan menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2050 melalui tumpuan terhadap peningkatan tahap pendidikan masyarakat. Peningkatan dalam penggunaan gerbang maya juga dijangka meningkat untuk interaksi harian termasuk pendidikan, pekerjaan dan penjagaan kesihatan (<https://mytn50.com>). Justeru, bidang pengajian tinggi berperanan dalam menyediakan para graduan yang berupaya meningkatkan pendapatan negara dengan merangka kursus pengajian yang berasaskan hasil pembelajaran sesuai dengan keperluan pasaran dan negara. Para graduan juga diharapkan memiliki pengetahuan serta kemahiran yang luas dalam bidang masing-masing dan mampu berkomunikasi secara efektif menjangkau pengkhususan mereka (Boud, David, Ruth Kohen, Jane Simpson et al., 2011). Usaha ini adalah selari dengan hala tuju universiti yang dikembangkan ke arah menjana pendapatan sendiri melalui inovasi yang terhasil. Hasilnya, kebergantungan universiti kepada dana negara dapat dikurangkan di samping universiti juga berupaya menyumbang lebih luas kepada masyarakat dan pasaran (Ali et al. 2017).

Perkara ini adalah penting kerana kadar literasi yang tinggi dan jumlah mahasiswa belum boleh dijadikan indikator terhadap pembudayaan ilmu (Zaini 2009; Shaharom dan Salasiah 2002). Tambahan pula dengan kefahaman yang salah berkenaan peranan ilmu (Wan Mohd Nor, 1988), menjadikan penuntut ilmu hari ini hanya bermatlamatkan lulus peperiksaan tanpa menzahirkan nilai ilmu yang sebenar (Ab. Halim Tamuri, Mohd. Yusof Othman, Jawiah Dakir, Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa., 2013).

Hasilnya, sebahagian mereka mula lalai dan culas dalam pengajian (Sri Banun Muslim, Nashuddin Nashuddin, Masnun Tahir, 2014) serta terkesan dengan tingkah laku hedonistic (Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi, Azimi Hamzah & Ezhar Tamam, 2013). Masalah sikap dalam kalangan mahasiswa perlu diambil serius oleh semua pihak khususnya universiti. Tambahan pula, revolusi ini dijangka melibatkan perubahan struktur organisasi, perubahan prosedur akreditasi, budaya digital, perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta individualisasi di peringkat pengajian tinggi (Anja Richert, Mohammad Shehadeh, Freya Willicks, Sabina Jeschke, 2016). Tumpuan kepada pembangunan peribadi mahasiswa adalah bagi mengurangkan risiko apabila mereka berhadapan dengan perkembangan teknologi yang begitu pesat. Keterikatan para pelajar kepada teknologi mengakibatkan daya tumpuan mereka semakin berkurangan saban hari kerana sentiasa mengalami perubahan dan kewujudan banyak faktor pengganggu. Teknologi baru ini juga dijangka memberi kesan dalam bentuk penghapusan modal insan dan perubahan bentuk pendidikan yang diperlukan serta cara hidup dan berinteraksi antara satu sama lain (Ali Selamat et al. 2017).

Islam tidak mengehadkan akitiviti keilmuan kepada pembacaan semata-mata tetapi merangkumi pemerhatian, pencerapan, penaakulan, analisis, membuat kesimpulan dan menghasilkan idea baru (Marzukai, 1994). Hasil daripada pelbagai kegiatan ilmiah ini manusia mampu berperibadi mulia dan beradab di samping mencapai ketakwaan kepada Allah SWT kerana ilmu mempunyai hubungan langsung dengan ibadat (al-Ghazali, 2004), iman dan taqwa (Wan Mohd Nor, 1988). Penguasaan ilmu dan menzahirkan keilmuan adalah asas dalam pembangunan sebuah tamadun. Ketamadunan manusia perlu dinilai secara menyeluruh termasuk aspek pembangunan jasmani dan rohani masyarakat. Maka, pembudayaan ilmu perlu diperkasakan pada peringkat sekolah (Marzukai, 1994) dan universiti (Zaini, 2009). Pelbagai masalah yang timbul sama ada dari aspek kesan teknologi mahupun keperibadian manusia perlu diperbaiki dengan segera melalui pemerksaan budaya ilmu berasaskan keperibadian ummah cemerlang agar mereka menjadi pemacu pembangunan negara.

### **Budaya cinta ilmu dalam islam**

Budaya ilmu dalam al-Quran adalah berasaskan kepada membaca, mengenal Pencipta Alam dan kajian terhadap alam (Marzukai, 1994). Ia terhasil daripada pengukuan akidah kerana ilmu adalah wasilah dalam mencintai Allah SWT dan Rasul-Nya. Natiyahnya adalah mencapai makrifah Allah SWT. Akidah yang benar dan mantap mendorong umat Islam mementingkan segala kegiatan yang berteraskan ilmu dalam hidup. Kejayaan umat Islam silam dalam memperkukuhkan budaya ilmu dalam

masyarakat membolehkan mereka membina peradaban dunia yang tiadaandingannya (Mohd Fauzi, 2002)

Para sahabat dan keluarga baginda menjadi bukti kesungguhan mereka dalam menuntut ilmu. Ketelitian mereka dalam memperoleh sumber ilmu yang sahih menunjukkan adanya hubungan antara ilmu dengan penilaian kritis. Ini juga menjadi pemangkin kepada aktiviti ijtihad dalam kalangan generasi awal Muslimin sehingga kini. Antara contoh ijtihad yang berlaku pada zaman sahabat adalah berkaitan pengumpulan mushaf al-Quran yang dicadangkan oleh Umar al-Khattab. Cadangan ini timbul kerana beliau mendapati ia menjamin kemaslahatan ummah dan kelangsungan dakwah Islam rentetan daripada kesyahidan ramai para *huffaz* dan *qurra'* dalam peperangan. Meskipun pada awalnya khalifah agak keberatan namun beliau tidak terus menutup ruang ijtihad. Sebaliknya, beliau menanyakan pandangan sahabat yang lain iaitu Zaid bin Thabit. Apabila pandangan Zaid didapati selari dengan Umar, khalifah menyetujui usaha untuk mengumpulkan mushaf al-Quran (Fatma, 1998).

Budaya ijtihad ini dikembangkan oleh para ilmuwan dengan penerokaan dan penguasaan pelbagai lapangan ilmu. Kesungguhan ini terhasil kerana rasa kesedaran yang tinggi kepada agama dan umat (Marzukai 1994), kedudukan ahli ilmu sebagai pewaris nabi melalui penyampaian, menegakkan keadilan sosial, memperteguh akidah dan memimpin umat (Zaini 2009) serta peranan ilmu dalam mengenal Allah SWT. Universiti berperanan penting sebagai pusat pembudayaan cinta ilmu kerana di dalamnya terdiri daripada komuniti yang digambarkan memiliki kecintaan kepada ilmu, menghormati para ilmuwan, ghairah kepada bahan ilmu dan mempunyai keluhuran adab dan tatacara. Mereka juga bergaul dengan ilmuwan, memiliki bacaan ilmiah, melakukan aktiviti penulisan ilmiah, memperuntukkan sejumlah wang untuk aktiviti keilmuan, menghadiri majlis ilmu dan sedia bersusah payah dalam menuntut ilmu (Zaini 2009; Syaidatun Nazirah 2012).

### **Keperibadian ummah cemerlang**

Umat Nabi Muhammad SAW adalah disebutkan sebagai sebaik-baik umat. Ciri-cirinya adalah termasuk menyuruh kepada yang makruf (baik) dan menegah perkara mungkar serta beriman kepada Allah SWT (al-Quran 3:110). Keperibadian ini secara jelas menunjukkan hubungan antara kecemerlangan ummah dengan keimanan kepada Allah SWT (al-Quran 2:1-6, 23:1-11, 3:104). Ummah yang cemerlang adalah mereka yang beriman dengan perkara ghaib, mendirikan solat, menafkahkan harta, beriman kepada al-Quran dan kitab-kitab sebelumnya (al-Quran 2:1-6, 31:5). Selain itu, mereka juga mengerjakan solat dengan khusyuk, meninggalkan perkara yang sia-sia sama ada

perkataan mahupun perbuatan, membayar zakat, menjaga maruah, menjaga amanah dan janji serta memelihara solat (al-Quran 23:1-11). Ciri lain adalah menghalalkan yang halal, mengharamkan yang haram, beriman kepada nabi, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti al-Quran (al-Quran 7: 8,157), berjihad dengan harta dan nyawa (al-Quran 9:88), taat kepada Allah dan Rasul-Nya (al-Quran 24:51), memberi hak kepada kaum kerabat, orang miskin, ibnu sabil dan berkehendak reda Allah SWT (al-Quran 30: 38), tidak berkasih sayang dengan orang yang menentang Allah SWT meskipun kaum keluarga sendiri (al-Quran 58:22), mengutamakan orang lain (*ithar*) dan tidak bakhil (al-Quran 59:9, 64:16).

Selain itu, al-Quran juga mengungkapkan istilah *Ulu al-Albab* dalam merujuk kepada keperibadian ummah cemerlang yang memiliki dua ciri utama iaitu berilmu dan beriman. Mereka adalah yang mempunyai akal fikiran dan bertaqwa (al-Quran 2:179), sentiasa membekalkan diri dengan taqwa (al-Quran 2:197), mengambil hikmah dari firman Allah SWT (al-Quran 2:269), bersungguh-sungguh mencari ilmu (al-Quran 3:7), sentiasa merenung dan memikirkan tentang kejadian di langit dan bumi serta mengingati Allah (al-Quran 3:190-191), sentiasa memilih kebaikan dan tidak terpesona dengan keburukan (5:100), mengambil pengajaran dari sejarah umat terdahulu (al-Quran 12:111), menginsafi dan beriman dengan kebenaran al-Quran (al-Quran 13:19-22), menjadikan al-Quran sebagai peringatan dan pengetahuan tentang kebesaran Allah SWT (al-Quran 14:52), mengambil pengajaran dari kitab yang diwahyukan (al-Quran 38:29), bersabar (al-Quran 38:43), mengerjakan ibadat pada waktu malam dan mengharap rahmat Allah SWT (al-Quran 39:9), kritis mendengar dan memilih yang terbaik (al-Quran 39:18), memerhati dan mengambil iktibar fenomena alam (al-Quran 39:21), dikurniakan hidayah dan peringatan (al-Quran 40:54) dan beriman serta takut dengan azab Allah SWT (al-Quran 65:10).

Keunggulan peribadi yang dinyatakan dalam al-Quran serta dibuktikan oleh para sahabat dan para salafussoleh ini menjadikan para ilmuwan Muslim menggagaskan pelbagai kajian berkaitannya. Antaranya ialah konsep *al-Insan al-kamil*. Konsep ini memberi gambaran tentang keperibadian sempurna di mana dia telah mencapai satu tahap pengabdian dan penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Ia merupakan hasil daripada kecintaan kepada Tuhan mengatasi segala yang lain (Fariza Md. Sham, Salasiah Hanin Hamjah dan Mohd. Jurairi Sharifudin, 2013). Dari segi pandangan awam, konsep ini bermaksud alim ulama yang beramal dengan ilmunya dalam keadaan sedar sehingga keperibadiannya merupakan satu bentuk terjemahan kepada keperibadian sempurna dengan mengekalkan identitinya sebagai hamba dan makhluk Allah SWT. Keseimbangan peribadinya terserlah melalui ketenangan diri berbanding

mereka yang tidak seimbang lagi sentiasa cenderung kepada perkara selain daripada Allah SWT (Nor Hayati 2014; Wan Mohd Nor 2014). Keperibadian ini juga disebut sebagai peribadi yang baik oleh al-Ghazali di mana ia boleh dicapai setelah melalui proses usaha (*mujahadah*) dan penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*) dan akhirnya mencapai nafsu tertinggi iaitu *al-nafs al-mutmainnah* (Fariza et al. 2013; Nor Hayati 2014).

Justeru, membentuk keperibadian Mukmin merupakan satu kewajipan ke arah membina ummah yang cemerlang. Ketauhidan dalam diri menjadi paksi kehidupan dan dibuktikan menerusi amalan ibadah seiring dengan tanggungjawab diri sebagai khalifah yang diberikan amanah untuk ditunaikan. Sebagai seorang Muslim, individu adalah terikat dengan prinsip-prinsip teras dan kewajipan tertentu. Ibadah yang dilakukan secara zahir ini juga pada hakikatnya dinilai seiring dengan keikhlasan hati yang merupakan komponen ihsan disebut sebagai taqwa. Di samping itu, kebaikan dan kecemerlangan juga perlu disebarluaskan kepada masyarakat sekeliling ke arah pembinaan umat yang sejahtera (Nooraini 2011a; Nooraini 2011b). Ini adalah menepati ciri insan kamil antaranya menyedari bahawa segala yang dilakukan perlu berdasarkan keikhlasan kepada Allah SWT, beradab dan berupaya meletakkan sesuatu pada tempatnya (adil), menjadikan dunia medan bekerja untuk beroleh hasilnya di akhirat serta melaksanakan tugas khalifah untuk memakmurkan dunia (Nor Hayati, 2014). Maka, untuk membangunkan insan kamil perlu kepada proses pendidikan yang membangunkan keseluruhan fakulti insan secara seimbang serta suasana persekitaran yang mendorong pembangunan iman dan taqwa (Nor Hayati, 2014).

Para ulama adalah contoh terbaik dalam pembinaan peribadi ummah cemerlang. Antaranya, Imam al-Syafi'i (m. 204 H) yang merupakan seorang imam mazhab fiqh berketurunan Rasulullah SAW. Beliau merupakan anak murid kepada Imam Malik dan telah tinggal bersama gurunya selama sembilan tahun. Selain daripada beliau juga berguru dengan Muhammad bin al-Hassan al-Syaibani, ulama Iraq tersohor (Nur Abdi, 2009). Kecerdikan dan keluasan ilmu Imam al-Syafi'i diperakui oleh para ulama lain termasuk gurunya, Imam Malik. Kepelbagaian ilmu dikuasai sehingga menjadi pakar dalam setiap daripadanya termasuk syair Arab aras tinggi. Keilmuannya dibuktikan melalui hasil karya yang bermutu dalam pelbagai bidang dan huraiannya yang terperinci dalam menjawab soalan mahupun sesi debat yang dihadapinya. Keseimbangan peribadinya juga difahami melalui pujian para ulama berkaitan ketinggian akhlakunya, sifat amanah, tekun, sentiasa berkara benar, serta tawaduk di hadapan gurunya (Ibn Khallikan 1977; Nur Abdi 2009).

Selain beliau, Imam al-Bukhari (m. 256/870) juga adalah tokoh yang dikenali memiliki daya ingatan yang luar biasa sehingga diberi gelaran *al-Hafiz al-Imam* dan *Amirul Mukminin fi al-Hadith*. Ini adalah darjat tertinggi bagi semua imam hadis. Kecintaan beliau kepada ilmu dibuktikan menerusi pengembaraan ilmiah yang dilakukan ke serata tempat perkumpulan para ulama hadis. Beliau telah menyusun kitab yang mengandungi hadis-hadis sahih setelah melakukan saringan dan pemilihan berdasarkan petunjuk yang dikurniakan Allah SWT. Ini diakui oleh beliau sendiri yang menyatakan setiap hadis yang dimasukkan adalah selepas menunaikan solat dua rakaat. Ketelitian beliau dalam mengambil riwayat hadis mendapat pengiktirafan daripada para ulama malah kitabnya juga mengungguli kitab hadis yang lain sehingga kini (Ibn Khallikan, 1977). Dari segi keperibadian, beliau seorang yang warak, berhati-hati akan sumber makanannya agar terhindar dari sebarang syubhat dan haram, berperibadi lemah lembut, halus perasaannya serta bersikap telus dan jujur dalam hidup, sentiasa bangun beribadah pada waktu malam. Sikapnya yang begitu menghormati ilmu menimbulkan keberanian dalam diri untuk tidak menuruti perintah gabenor agar menghadiri istana untuk mengajarkan hadis. Meskipun kemudiannya beliau dihalau dari Bukhara, ia tidak menjejaskan kecintaannya kepada kegiatan keilmuan serta amal soleh sehingga ke akhir hayatnya (Muhammad Abdulloh, 2009).

Keperibadian yang unggul juga didapati ada pada seorang tokoh yang dikenali di Timur dan Barat iaitu Ibnu Sina (m. 428H/1037 M). Beliau merupakan seorang yang cerdas dan cepat menghafaz sehingga mampu menguasai pelbagai bidang ilmu mencecah usianya 17 tahun. Dalam usaha mencari dan menyebarkan ilmu, beliau telah melakukan siri pengembaraan hampir sepanjang hayatnya. Kecenderungan beliau dalam ilmu kedokteran melayakkan beliau menjadi doktor seawal usia 18 tahun dan diberi gelaran *al-Syeikh al-Ra'is*. Hubungannya yang baik dengan raja membolehkan Ibnu Sina mendapat kebenaran memanfaatkan perpustakaan istana dengan membaca karya-karya para ilmuwan yang jarang dan tidak ditemui di tempat lain. Beliau juga seorang yang aktif dalam penulisan dan menghasilkan karya dalam pelbagai bidang seperti mantik, falsafah, kedokteran dan politik (Muhammad Abdulloh, 2009). Melalui pemahaman yang diperoleh daripada karya-karya terdahulu seperti al-Kindi dan al-Farabi, Ibnu Sina telah membangunkan dan menyusun bidang ilmu secara lebih pesat dan lebih baik berbanding sebelumnya. Kecintaan beliau terhadap ilmu di samping dorongan bapa dan suasana sekeliling ternyata menjadikan Ibnu Sina cemerlang dalam ilmu. Hasilnya, karya beliau memberi kesan yang besar dalam ketamadunan Islam dan berterusan hingga ke hari ini (al-Mahdali, 1987). Ini membuktikan bahawa kecintaan kepada ilmu mempunyai hubungan dengan keperibadian Muslim cemerlang. Kecemerlangan ini

pula bukan perkara mustahil tetapi boleh dipupuk dan disuburkan dalam diri para mahasiswa melalui suasana yang mendorong kepada ilmu dan amal.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan secara tinjauan menggunakan pendekatan keratan rentas. Satu set soal selidik telah diedarkan kepada 415 orang mahasiswa Muslim yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu cinta ilmu yang diadaptasi daripada Instrumen Cinta Ilmu (Syaidatun Nazirah et al. 2017). Bahagian ini terdiri daripada enam konstruk iaitu cinta pembacaan, cinta penulisan, cinta diskusi dan berfikir, cinta kebenaran dan keadilan serta cinta motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Manakala bahagian kedua ialah keperibadian Ummah cemerlang yang diadaptasi daripada Inventori Personaliti Ummatik (Nooraini, 2008). Bahagian ini terdiri daripada enam konstruk iaitu akidah, ibadah, akhlak dengan diri, akhlak dengan keluarga, akhlak dengan rakan dan akhlak dengan masyarakat. Responden dikehendaki menyatakan persetujuan kepada pernyataan yang dikemukakan berpandukan skala Likert lima-mata. Penentuan sampel dilakukan menggunakan pendekatan persampelan bertujuan supaya kajian hanya melibatkan responden yang sesuai dan khusus dengan tujuan kajian. Maka, responden adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai maklumat, perspektif atau apa sahaja berkaitan tujuan kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

Data yang diperolehi daripada responden telah dianalisis menggunakan perisian SPSS 23.0 dan menggunakan analisis deskriptif dengan mendapatkan nilai min bagi setiap konstruk dan analisis korelasi Pearson. Analisis deskriptif digunakan bagi menentukan tahap cinta ilmu dan keperibadian Ummah cemerlang dalam diri responden manakala analisis korelasi Pearson dijalankan bagi melihat hubungan antara dua konstruk terlibat iaitu cinta ilmu dan keperibadian Ummah cemerlang.

### **Tahap cinta ilmu dalam kalangan mahasiswa**

Cinta ilmu secara keseluruhan adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai skor purata 3.68 (Jadual 2). Cinta ilmu diukur berdasarkan enam konstruk iaitu cinta pembacaan, cinta penulisan, cinta berfikir dan diskusi, cinta kebenaran dan keadilan, cinta motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Manakala interpretasi min adalah seperti dalam Jadual 1.



Jadual 1 Interpretasi min

Nilai min	Interpretasi min
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Sumber: Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016)

Jadual 2 Tahap cinta ilmu

Konstruk dalam cinta ilmu	Min	Sisihan piawai	Interpretasi min
Cinta pembacaan	3.906	0.592	Tinggi
Cinta penulisan	3.475	0.618	Sederhana
Cinta berfikir dan diskusi	3.584	0.548	Sederhana
Cinta kebenaran dan keadilan	3.821	0.528	Tinggi
Motivasi intrinsik	4.177	0.572	Tinggi
Motivasi ekstrinsik	4.245	0.565	Tinggi
<b>Cinta ilmu</b>	<b>3.680</b>	<b>0.412</b>	<b>Tinggi</b>

Dapatan ini menunjukkan tahap cinta ilmu dalam kalangan mahasiswa adalah tinggi dan ia satu tanda aras yang baik. Maka, keadaan ini perlu ditingkatkan dengan memberi tumpuan kepada enam aspek iaitu pembacaan, penulisan, berfikir dan diskusi, cintakan kebenaran dan keadilan, motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Boud (2011) mencadangkan agar sistem pembelajaran di universiti menggunakan kaedah *peer learning*. Kaedah ini memberi peluang kepada mahasiswa untuk menentukan kaedah dan hasil pembelajaran mereka sendiri. Para pensyarah berperanan sebagai penunjuk arah dan pemudahcara bagi para pelajar agar objektif pengajian dapat dicapai secara menyeluruh. Di samping ilmu pengetahuan, mahasiswa juga berpeluang mempertingkatkan kemahiran sosial dan komunikasi serta menggalakkan pemikiran kritis dan berhujah sesama mereka. Pandangan ini dipersetujui Rowland (2008) yang menjelaskan cinta ilmu tidak hanya menekankan aspek kognitif sebaliknya ia juga mempunyai aspek afektif dalam pembelajaran. Kecintaan kepada ilmu menjadikan individu mempunyai hubungan rapat dengan ilmu. Ia juga dapat diperkasa dengan cara diekspresikan menerusi keinginan untuk tahu, bertanya dengan lebih lanjut serta mempelbagai kaedah mendapatkan ilmu. Cinta ilmu juga mendorong seseorang untuk berkongsi dengan orang lain. Beliau juga menyarankan agar ada usaha untuk menyokong sebarang kurikulum dan penyelidikan bersifat eksplorasi secara langsung dengan sasaran kajian, merentas disiplin, profesional dan sempadan budaya.

### Tahap keperibadian ummah cemerlang dalam kalangan mahasiswa

Keperibadian ummah cemerlang secara keseluruhan adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai skor purata 3.938. Keperibadian Muslim cemerlang diukur berdasarkan enam konstruk iaitu ibadah, akidah, akhlak dengan diri, akhlak dengan keluarga, akhlak dengan rakan dan akhlak dengan masyarakat.

Jadual 3 Tahap Keperibadian ummah cemerlang

Konstruk dalam ummah cemerlang	Min	Sisihan piawai	Interpretasi min
Ibadah	3.567	0.671	Sederhana
Akidah	4.317	0.524	Tinggi
Akhlak dengan diri	3.788	0.544	Tinggi
Akhlak dengan keluarga	4.186	0.583	Tinggi
Akhlak dengan rakan	3.990	0.532	Tinggi
Akhlak dengan masyarakat	3.784	0.604	Tinggi
Ummah cemerlang	3.938	0.442	Tinggi

Keperibadian ummah cemerlang merupakan penggerak kepada tingkah laku seseorang. Penghayatan terhadap akidah menjadikan seseorang tenang dan seimbang dalam kehidupan. Manakala kepincangan akidah boleh menjerumuskan seseorang kepada kecelaruan dari segi emosi dan tingkah laku. Ini kerana keimanan yang kukuh mendorong kepada melazimi perbuatan baik dan meninggalkan kemungkaran. Ketenangan yang dimiliki adalah kesan daripada meninggalkan cinta dunia (al-Jaza'iri, 2003), rasa tawakkal dalam diri dan muraqabah dengan Allah SWT (Fathi, 2004). Hasil daripada akidah juga adalah pengamalan ibadah dengan rasa pengagungan kepada Allah SWT. Rasa takut dan harap kepada Allah SWT ini menimbulkan rasa malu dalam melakukan dosa dan maksiat kerana menyedari kelemahan diri di hadapan Allah SWT (al-Ghazali, 2004). Ibadah yang dilakukan secara berterusan akan menatijahkan akhlak mulia dalam pelbagai keadaan dan situasi. Kerana itu keperibadian yang baik akan dicapai melalui kesedaran diri dan ilmu. Setelah itu, keperibadian ini akan menjadi bukti kepada dunia tentang keindahan Islam (Nooraini, 2009).

### Hubungan antara cinta ilmu dengan keperibadian ummah cemerlang

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian berkaitan hubungan antara cinta ilmu dengan keperibadian ummah cemerlang.

Jadual 4 Hubungan antara cinta ilmu dengan keperibadian ummah cemerlang

		<b>Cinta ilmu</b>	<b>Cemerlang</b>
<b>Cinta ilmu</b>	Pearson correlation	1	.611**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	415	415
<b>Cemerlang</b>	Pearson correlation	.611**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	415	415

\*\* correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Jadual menunjukkan nilai pekali Pearson, r, adalah .611, satu hubungan positif yang kuat dan nilai ini adalah signifikan ( $p < .05$ ). Nilai r ini menunjukkan indikator wujud perhubungan positif yang kuat dan signifikan antara skor tahap cinta ilmu dan keperibadian Ummah cemerlang. Dapatan ini adalah seiring dengan kajian Salasih Hanin Hamjah et al. (2012) yang menyatakan bahawa amalan kerohanian yang diamalkan oleh para pelajar mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik mereka. Nooraini (2009) turut menyatakan bahawa insan yang baik akan menggunakan ilmunya untuk kebaikan di samping ilmu juga merupakan sebahagian daripada keperibadian manusia. Justeru, peribadi yang baik adalah penting di samping pencapaian akademik yang tinggi ke arah pembentukan ummah cemerlang.

## **KESIMPULAN**

Perubahan dunia yang disebut sebagai Revolusi Industri 4.0 merupakan satu bentuk perubahan gaya hidup secara besar-besaran dengan didahului oleh Barat. Meskipun Islam tidak menolak pembaharuan, namun umat Islam perlu dibekalkan dengan ilmu dan jati diri yang cemerlang supaya mereka berupaya menjalani hidup dengan berpaksikan tauhid. Kajian ini mendapati para mahasiswa memiliki tahap cinta ilmu yang tinggi di samping keperibadian ummah cemerlang yang baik menunjukkan kesediaan mereka dalam menghadapi gelombang Revolusi Industri 4.0 ini. Melalui dua elemen ini, para mahasiswa diharapkan mampu memelihara jati diri ummah cemerlang dengan sebaiknya. Namun begitu, dapatan ini tidak boleh digeneralisasikan berikutan adanya kebarangkalian bahawa kepesatan teknologi mampu mengubah keperibadian seseorang secara tidak langsung. Hal ini telah dapat dilihat berdasarkan pengalaman lalu di mana teknologi berhasil mengurangkan daya tumpuan dan fungsi mental seseorang. Ini merupakan ancaman kerana kelemahan daya berfikir akan membentuk peribadi yang sedia untuk diprogramkan umpama mesin. Di samping itu, kemajuan teknologi juga tidak menafikan adanya ancaman seumpama jenayah siber yang

tentunya didalangi oleh mereka yang mahir mengendalikan teknologi (Ali Selamat et al. 2017). Untuk itu, universiti dan para pendidik perlu menumpukan perhatian dalam memperkasakan kecintaan kepada ilmu dalam diri para mahasiswa menerusi pembentukan peribadi ummah cemerlang. Keperibadian ini boleh dibentuk melalui penekanan terhadap akidah, ibadah dan akhlak kerana pendidikan dalam Islam adalah berorientasikan agama dengan erti kata peribadi, sosial dan kebudayaan. Melalui kesedaran terhadap peranan diri dan hubungannya dengan Tuhan, manusia lain dan alam, individu ini menjadi seorang yang berperibadi baik kepada Tuhannya, manusia sekelilingnya, juga negaranya. Nilai-nilai yang tidak dimiliki oleh mesin ini perlu dikembangkan dan dijadikan amalan dalam kehidupan.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Mohd. Yusof Othman, Jawiah Dakir, Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa. (2013). Religious education and ethical attitude of Muslim adolescents in Malaysia. *Multicultural Education & Technology Journal*, 7(4), 257-274.
- al-Ghazali, M. (2004). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ali Selamat, Rose Alinda Alias, Syed Norris Hikmi, Marlia Puteh & Siti Hamisah Tapsir. (2017, August 23-24). Higher Education 4.0 : Current Status and Readiness in Meeting The Fourth Industrial Revolution Challenges. *Redesigning Higher Education Towards Industry 4.0*. Kuala Lumpur.
- al-Jaza'iri, A. B. (2003). *'Aqidat al-Mu'min*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Mahdali, S. M. (1987). *Dirasat fi al-Falsafah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Anja Richert, Mohammad Shehadeh, Freya Willicks, Sabina Jeschke. (2016). Digital Transformation of Engineering Education. *iJEP*, 6(4), 23-29. doi:<https://doi.org/10.3991/ijep.v6i4.6023>
- Boud, David, Ruth Kohen, Jane Simpson et al. (2011). *Peer learning in Higher Education: Learning from and with each other*. London: Kogan Page Ltd.
- Fariza Md. Sham, Salasiah Hanin Hamjah dan Mohd. Jurairi Sharifudin. (2013). *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fathi, Y. (2004). *Madha Ya'ni Intima'i li al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Fatma, H. (1998). Tasyri' pada masa sahabat II. *Makalah Seminar IAIN Imam Bonjol Padang*. Indonesia. Retrieved from [http://repository.unp.ac.id/824/1/FATMA%20HAKIM\\_297\\_98.pdf](http://repository.unp.ac.id/824/1/FATMA%20HAKIM_297_98.pdf)
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hasan Langgulung. (1999). *The ummatic paradigm of psychology*. Kuala Lumpur: Univision Press

- Ibn Khallikan, M. A. (1977). *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*. (H. 'Abbas, Ed.) Beirut: Dar Sadir.
- Jeschke, S. (2015, September 22). Engineering Education for Industry 4.0. *World Engineering Education Forum*.
- Marzukai, I. (1994). *Budaya Ilmu: Perspektif al-Qur'an dan Pendidikan Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana Pengajian Islam.
- Mohd Fauzi, H. (2002). Peranan akidah dalam perancangan pembangunan ummah: Satu analisis dalam konteks masyarakat kini. *Jurnal Usuluddin*, 16 (2002), 13-34.
- Muhammad Abdulloh, S. (2009). *Lembaran Hidup Ulama': Warisan Ilmuwan Islam*. Petaling Jaya: Hijjaz Record Publishing.
- Nor Hayati, H. A. (2014). Falsafah Bina Insan Kamil: Integrasi Pendidikan Sains dan Agama. In M. S. Khalijah (Ed.), *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid* (pp. 99-130). Institut Islam Hadhari, UKM.
- Nooraini Othman. (2008). *The Development And Validation Of The Ummatic Personality Inventory*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nooraini Othman. (2011a). Eksplorasi dimensi ummatic personality inventory-upi sebagai alat pengukuran personaliti psiko-spiritualiti islami. Dlm *'Ulum-Islamiyyah Journal*. Vol. 7 (Disember) 2011. Hlm. 31-50.
- Nooraini Othman. (2011b). Exploring the Ummatic Personality Dimensions from the Psycho-Spiritual Paradigm. Dlm. *International Journal of Psychological Studies*. Vol. 3, No. 2, December 2011. Hlm. 37-47.
- Nooraini Othman. (2009). Keseimbangan Personaliti dan Akademik sebagai Teras Pembangunan Modal Insan. [http://eprints.utm.my/17876/1/Jurnal\\_UiTM-Keseimbangan\\_Personaliti\\_dan\\_Akademik\\_sebagai\\_Teras\\_Pembangunan\\_Modal\\_Insan.pdf](http://eprints.utm.my/17876/1/Jurnal_UiTM-Keseimbangan_Personaliti_dan_Akademik_sebagai_Teras_Pembangunan_Modal_Insan.pdf) (diakses pada 19 Februari 2018).
- Nur Abdi, G. (2009). *Philosophy of Science and Technology: The Islamic Perspectives*. Bangi: Centre of Excellence Selangor International Islamic College.
- Rowland, S. (2008). Collegiality and Intellectual Love. *British Journal of Sociology of Education* 29:33, 353-360.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit dan Zainab Ismail. (2012). Perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. *AJTHLE*, 4(2), 51-60.
- Shaharom TM Sulaiman dan Salasiah Abd Wahab. (2002). *Keanehan dan Keunggulan Buku*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi, Azimi Hamzah & Ezhar Tamam. (2013, Jun). Tingkah laku hedonistik dalam kalangan belia di Institusi Pengajian Tinggi. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 8, 125-146.
- Sri Banun Muslim, Nashuddin Nashuddin, Masnun Tahir. (2014, Julai). Pergeseran identitas mahasiswa: Koreasi religiusitas dan perilaku mahasiswa IAIN Mataram. *Jurnal Penelitian Keislaman*, 10(2), 35-62.
- Syaidatun Nazirah, A. Z. (2012). *Kefahaman remaja Melayu terhadap konsep cinta dalam Islam dan hubungannya dengan pemikiran rasional dan akhlak*

*percintaan*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Nur Hidayah Mohd Abd Malik, Shahizan Shaharuddin dan Mashitoh Yaacob. (2017). Pembinaan instrumen cinta ilmu dan kecemerlangan. Dlm. Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Nazneen Ismail dan Nur Hidayah Mohd Abd Malik (Pnyt.) *Cinta Ilmu dan Kecemerlangan Transformasi Modal Insan*. Serembang: Itqans Enterprise.

Transformasi Nasional 2050. <https://mytn50.com/> Dilayari pada 22 Januari 2018.

Wan Mohd Nor, W. D. (1988). *Budaya Ilmu: Konsep, Prasyarat dan pelaksanaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Zaini, U. (2009). *Menghayati Budaya Ilmu: Faham Ilmu, Amalan dan Panduan* (2 ed.). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.